

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.10.2014**

**Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan menangani masalah penyelewengan dan fraud di dalam pembayaran cukai dan tuntutan kredit cukai input selepas pelaksanaan GST pada April 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Antara hasrat utama kajian dalam pelaksanaan GST adalah untuk

mengurangkan ketirisan di sepanjang rantaian nilai bagi pengeluaran barangan. Langkah ini akan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kecekapan dalam pengutipan hasil cukai negara dalam jangka masa panjang. Pelbagai langkah dan pendekatan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah penyelewangan dan fraud di dalam pembayaran cukai dan tuntutan kredit cukai input selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015.

Dalam memastikan pihak peniaga meremitkan amaun pungutan cukai yang betul, Kerajaan akan membuat program pengesanan awal melalui kaedah audit meja dan audit transaksi ke atas borang penyata cukai yang dikemukakan oleh pihak peniaga pada setiap tempoh bercukai. Pasukan audit GST juga akan menjalankan pengauditan luar ke atas rekod dan akaun perniagaan syarikat bagi memastikan tiada sebarang aktiviti manipulasi cukai yang telah dilakukan oleh pihak peniaga. Selain daripada itu, sistem penilaian risiko GST adalah merupakan kaedah pengesanan berkomputer yang akan memberi amaran (*alerts*) berhubung dengan kes-kes yang berisiko tinggi.

Bagi memastikan Kerajaan bersedia untuk menangani masalah penyelewangan dan *fraud* ini, program bina upaya yang berterusan telah

dijalankan khusus untuk pegawai Kastam yang ditugaskan untuk melaksanakan GST. Pegawai-pegawai ini dihantar untuk menghadiri kursus dan latihan di dalam dan di luar negara bagi memastikan mereka berupaya menangani kes-kes berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Pendekatan yang akan digunakan oleh JKDM untuk menangani penyelewengan dan fraud adalah seperti berikut:

1. Menjalankan audit berprogram;
2. Mengadakan risikan;
3. Menggiatkan pertukaran maklumat;
4. Mengambil maklum dan tindakan yang sewajarnya terhadap maklumat yang diterima dari orang awam;
5. Meraih kepakaran dalam bidang pengauditan forensik; dan
6. Menggunakan *working tools* yang canggih termasuk sistem pengurusan risiko.